

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesungguhnya, kehadiran YB Timbalan Menteri membuktikan sokongan yang berterusan MOSTI kepada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) dalam memajukan aktiviti standardisasi dan akreditasi negara. Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran di atas kejayaan penganjuran Program Kesedaran Standard 2016 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, bersempena ulang tahun ke-20 Standards Malaysia pada hari ini.

YB Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Standards Malaysia mula menganjurkan Program Kesedaran Standard pada tahun 2013 di Giant Hypermarket Bandar Kinrara, Selangor. Hasil daripada penganjuran program tersebut, Standards Malaysia telah menerima maklum balas positif daripada komuniti setempat dan mereka mengharapkan agar program sebegini diteruskan di masa akan datang. Seterusnya pada tahun 2015, hasil daripada Kajian Persepsi yang telah dijalankan, menunjukkan kesedaran masyarakat tentang Standards Malaysia dan kepentingan standard dan kualiti secara amnya masih rendah iaitu hanya 50%.

Justeru, pada tahun ini, Standards Malaysia sekali lagi menganjurkan Program Kesedaran Standard dan pemilihan Mydin Mall MITC, Melaka sebagai lokasi program adalah satu pilihan yang tepat. Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Standards Malaysia dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran Rakyat tentang kepentingan standard dan kualiti dalam kehidupan seharian. Program Kesedaran Standard ini juga memberi peluang kepada Rakyat untuk berinteraksi secara terus dan menyuarakan pandangan mereka tentang isu-isu berkaitan standard dan kualiti. Ini sekaligus akan dapat meningkatkan kesedaran Rakyat tentang kepentingan memilih produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

YB Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Beberapa aktiviti menarik telah direncanakan di bawah Program Kesedaran Standard 2016 ini. Pada sebelah pagi tadi telah berlangsung pertandingan mewarna untuk kanak-kanak dan pertandingan *shopping spree* untuk golongan dewasa. Pada sebelah petang pula akan berlangsung Slot Sembang Santai yang memberi peluang kepada rakan-rakan kami seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk berkongsi info mengenai peranan yang dimainkan oleh mereka. Di samping itu, mereka juga terlibat sebagai pempamer bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan ASTRO. Wakil industri di Melaka iaitu Mamee Double Decker Sdn. Bhd. juga turut menyertai aktiviti pameran, yang membolehkan mereka mempamerkan produk-produk mereka yang telah mematuhi standard.

YB Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bersesuaian dengan tema ulang tahun ke-20 pada tahun ini iaitu “Merakyatkan Kualiti”, Standards Malaysia akan meneruskan inisiatif dalam menerapkan budaya kualiti di kalangan Rakyat bagi menyokong pembentukan aspek *demand creation* terhadap produk dan perkhidmatan yang berkualiti. Pelbagai program seumpama ini akan diadakan pada masa akan datang dan yang terhampir adalah *World Standards Day Fun Run* dengan kerjasama SKMM pada 16 Oktober 2016.

Besarliah harapan saya agar program pada hari ini memberi banyak manfaat kepada para pengunjung Mydin Mall MITC, Melaka. Saya juga ingin mengambil peluang untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Timbalan Menteri di atas sokongan MOSTI secara berterusan kepada Standards Malaysia. Tidak lupa juga, kepada semua warga kerja Standards Malaysia atas kerjasama serta semangat bekerja secara berpasukan bagi memastikan Program Kesedaran Standard 2016 ini dapat dianjurkan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.